

Headline	<b>Biodata Penerima Anugerah</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>17. May 2008</b>	Page No	<b>4</b>
Media Title	<b>Utusan Malaysia</b>	Article Size	<b>786 cm2</b>
Section	<b>Yo!</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>238082</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>833287</b>		



# Biodata penerima anugerah

## Kategori Kepimpinan

**Mu'amar Ghadafi Jamal Jamaludin** dilahirkan pada 4 November 1979 di Ipoh, Perak dan merupakan graduan jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Universiti Putra Malaysia (UPM).

Memulakan kerjaya awal sebagai Jurutera Tapak pada tahun 2003 dan kini menjawat jawatan Pengarah Eksekutif, Kumpulan Syarikat Caj Maju Sdn. Bhd.

Sepanjang tempoh kerjaya dalam bidang perniagaan terutama sektor pembinaan dan telekomunikasi, beliau telah menyiapkan beberapa projek di dalam dan luar negara.

Walaupun sentiasa sibuk dengan pelbagai urusan perniagaan dan keluarga, namun ia tidak menghalang beliau untuk aktif dalam kegiatan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO).

Beliau turut berketerampilan memimpin golongan belia di peringkat cawangan, kawasan, negeri malahan di peringkat kebangsaan dengan cemerlang.

Berkuatkuasa pada 15 April 2008, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Gerakan Belia 4B (M) Negeri Perak Darul Ridzuan.

## Kategori Keusahikern

**Mohd Sukor Md. Yusoff** dilahirkan pada 4 Mei 1972 di RSD Taiping, Perak. Beliau memperoleh kelulusan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (BBA) pada tahun 1996 dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) pada 1999 dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Mohd Sukor memulakan kerjaya awalnya sebagai Penyalia Pengeluaran di SyQuest Technology (M) Sdn. Bhd.

Kini beliau memegang jawatan sebagai Pensyarah di Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Pulau Pinang, penceramah profesional, Perunding Latihan Advance Management Consultant dan Perunding Kontrak MFE Construction (Kelas F).

Sejarah kepimpinan beliau tereslah semenjak zaman persekolahan lagi dan sebaik menamatkan pengajian pada tahun 1996, beliau terus bergerak sebagai aktivis belia menerusi Gerakan Belia 4B (M) cawangan Sri Rambai sebagai Pengerusi Cawangan.

## Kategori Kemahawanan

Dilahirkan pada 27 September 1983 di Kampung Kuala Terengganu **Mohd Hazlan Ismail** menerima pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Beliau memulakan kerjayanya dengan penubuhan Hazlan Top Phone yang menjual dan membekal peralatan telekomunikasi seperti telefon bimbit dan kad pra bayar dengan bermodalkan RM15,000 hasil pinjaman dari pihak keluarga.

Setelah menjalankan perniagaan tersebut selama setahun satu bulan syarikat beliau telah berjaya dianugerahkan sebagai *Master Key Dealer Hotlink* pada Oktober 2006.

Hasil daripada kejayaan tersebut beliau telah memperluaskan lagi perniagaannya di sekitar Pantai Timur dengan pembukaan cawangan baru.

Pada April 2006, Hazlan Indoor Soccer telah ditubuhkan dengan membina sebuah pusat permainan futsal bermodalkan RM 563,672 dan memiliki sebuah bangunan, ruang pejabat serta gelanggang futsal yang pertama di bandar Terengganu.

Setelah menampakkan kemajuan beliau mengambil inisiatif untuk menambah lagi gelanggang futsal yang dilengkapkan dengan kemudahan bistro berdaftar atas nama Hazlan Indoor Soccer Bistro dan sebuah pasaraya mini Hazlan Top Supermarket.

Setelah 14 bulan beroperasi Hazlan Indoor Soccer maju setapak lagi dengan pembinaan cawangan di Seremban, Negeri Sembilan. Terbaru ialah penubuhan Hazlan Travel & Tours Sdn. Bhd. Pada awal 2008, beliau telah meneroka satu bidang baru dan kini telah memiliki tiga buah bas persiaran.

## Kategori Wira Tani

**Najee Mudin Ibrahim** menubuhkan Najee Brother's Sdn Bhd pada pertengahan 2002.

Ia merupakan langkah awal merebut peluang dalam industri penternakan udang harimau yang sangat berpotensi. Secara berperingkat usaha tersebut menampakkan hasil dan sehingga kini modal berbayar syarikat telah dapat ditingkatkan sehingga mencecah RM1.3 juta.

Perkembangan pasaran domestik dan potensi pasaran global sangat menyakinkan beliau untuk mempertingkatkan usaha dalam mengembangkan operasi dan pengeluaran.

Dengan suntikan sejumlah dana, perubahan automasi akuakultur, pengembelian kepakaran dan perluasan operasi beliau telah dapat mencapai pengeluaran maksimum bersih 225 hingga 230 tan metrik setahun. Kini Najee Brother's Sdn Bhd beroperasi di kawasan seluas 10 ekar dan mempunyai enam buah kolam.

## Kategori Daya Juang Malaysia Boleh

**Marina Ahmad** dipilih memenangi kategori kerana daya juang yang telah ditunjukkan oleh beliau.

Semuanya bermula di *Everest Base Camp* pada tahun 2004 di mana pemuda-pemuda dari Persatuan Kembara Negara memulakan Projek Demi Negara ke everest dan bersejua untuk meneruskan aktiviti mendaki Gunung Everest.

Dengan memegang motto 'Menjadikan Hidup Lebih Mencabar' dan semangat yang berkobar mengatasi segala rintangan yang menghalang, enam peserta telah dipilih untuk membuat pendakian ke Everest dan buat pertama kali dalam sejarah seorang wanita telah menawan puncak Everest.

Cabaran dan halangan untuk mendaki Gunung Everest ini tidak perlu dipertikaikan lagi berikutan dengan suhu yang mencecah di bawah paras beku. Wanita pertama ini, yang berusia 26 tahun, berasal dari Pendang, Kedah juga merupakan seorang graduan UiTM dan kini berkhidmat di RIM Terengganu telah membuktikan bahawa golongan belia mempunyai semangat dan berani menahut cabaran.

Beliau telah mengangkat martabat di samping mengharumkan nama Malaysia di mata dunia dan merealisasikan slogan 'Malaysia Boleh'.

Beliau bukan sahaja menjadi wanita pertama Malaysia malah juga menjadi wanita pertama Asia yang mendaki Gunung Everest.

## Kategori Tabak Belia Lelaki

Nama: **K.Rasa Selvan**  
Tarikh Lahir: 5 Julai 1968

Umur: 39 Tahun  
Akademik Tertinggi: Diploma Sains Komputer

## Penglibatan dalam Persatuan Belia:

- Ahli Pertubuhan Belia Hindu Semenych (HYO) (1990 hingga sekarang)
- Pengerusi HYO Semenych (1993 hingga sekarang)
- Penolong Setiausaha Majlis Belia Hindu Selangor (1995 hingga 1997)
- Naib Pengerusi Majlis Belia Hindu Selangor (1997 hingga 2000)
- Exco Majlis Belia Hindu Malaysia (1999 hingga 2000)
- Naib Presiden Majlis Belia Hindu Malaysia (2000 hingga 2005)
- Pengerusi Majlis Belia Hindu Selangor (2004 hingga sekarang)
- Presiden Majlis Belia Hindu Malaysia (2005 hingga sekarang)
- Ahli Dewan tertinggi Majlis Belia Malaysia (MBM) (2005 hingga sekarang)
- Ahli Perunding Belia Selangor (2005 hingga sekarang)
- Ahli Perundingan Belia Negara (2005 hingga sekarang)

## Penglibatan dalam Aktiviti belia

- Konvensyen Belia Kebangsaan (1999-2006)
- Rancangan Pertukaran Belia Antarabangsa
  - Thailand (2000)
  - Korea (2005)
  - Kampuchea (2006)
- Program Provasi di New Delhi (2006-2008)
- Pengerusi Konvensyen Kebangsaan Belia Hindu (2006)
- Pengerusi Pertandingan Rekaan Kholam (2008)

## Kategori Tabak Belia Wanita

Nama: **Noor Lina Mohd Yusuf**  
Tarikh Lahir: 27 April 1972  
Tempat Lahir: Kuala Lumpur  
Umur: 36 Tahun  
Akademik Tertinggi: Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu (Universiti Malaya) - Ikhtisas: Sijil Perguruan Maktab Perguruan Tuanku Bainun  
Pekerjaan: Guru Akademik, Sekolah Kebangsaan (SK) Assunta Satu, Petaling Jaya  
Jawatan/Gred: PPPS / DG41

## Jawatan Yang Disandang Dalam Pertubuhan Belia

- Persatuan Pandu Puteri Daerah Petaling Setiausaha Kehormat (1995 - 2002)
- Setiausaha Tunas Puteri (2002 - 2005)
- Timbalan Pesuruhjaya Daerah (2006 - kini)
- Majlis Belia Selangor Daerah Petaling (Ahli Jawatankuasa 2002 - 2004)
- Persatuan Pandu Puteri Malaysia Cawangan Negeri Selangor Setiausaha Kehormat (1999 - 2000)
- Ahli Jawatankuasa (1997 - 2002)
- Persatuan Pandu Puteri Malaysia AJK Antarabangsa (2004 - 2006)
- AJK Pandu Puteri Tunas (2004 - 2006)
- Majlis Belia Malaysia
- Exco Majlis Belia Malaysia (2004 - kini)
- Kementerian Belia Dan Sukan (KBS) AJK Teras Sistem Penyampai Mesyuarat Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional KBS (2005)
- Ahli Majlis Perundingan Belia Negara (2005 - kini)

## Kategori Anugerah Perdana Pertubuhan Belia

### Johan

Kesatuan Pelajar Islam Perak (KPIP) dari Ipoh Perak telah ditubuhkan pada 20 Oktober 1965 dan kini telah pun berusia 43 tahun.

Dengan tujuan asal penubuhan ialah menjadi bahan yang mewakili dan menyatukan pelajar-pelajar Islam di negeri Perak. Sehingga kini seramai 400 orang ahli telah berdaftar dengan kesatuan ini.

Pada tahun 2007 kesatuan ini telah mengambil langkah berani dengan memberi kepercayaan kepada sebahagian besar pelapis muda untuk berada di dalam barisan kepimpinan kesatuan (KPIP) pusat.

Pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan dan direncanakan bagi tujuan membentuk dan melahirkan modal insan kelas pertama dalam prospek Islam.

Antara program yang dijalankan adalah kem motivasi di sekolah-sekolah, latihan asas dedikasi Islam, bengkel pemimpin muda dan yang terbaru pada tahun 2008 bengkel pengurusan organisasi, kursus fotografi dan kem bina akhlak remaja.

### Naib Johan

Bermula dengan 20 orang belia dari Kampung Batang Tiga barat yang telah sepakat menubuhkan Gerakan Belia 4B (M) untuk kampung mereka.

Dengan berangapan akan lebih banyak program disediakan oleh kerajaan melalui KBS yang boleh dimikmati oleh belia kampung maka Persatuan Gerakan Belia 4B (M) Cawangan Batang Tiga Barat (Batiba), Klebang ditubuhkan pada 25 Oktober 1994.

Meskipun masih baru, tetapi ia telah berjaya menarik minat sejumlah 250 orang ahli untuk menyertai persatuan ini.

Lebih menarik adalah seramai 24 orang graduan berkelulusan ijazah dan diploma turut sama menyertai persatuan ini.

Persatuan ini turut aktif dalam mengemukakan program berbentuk ilmiah, kerohanian mahupun projek kewangan.

Bagi program harian, persatuan mengadakan kelas bimbingan fardu ain serta kelas asas komputer untuk ahli persatuan dan juga orang kampung.

Selain aktif dalam program kemasyarakatan dan pembangunan modal insan persatuan ini juga aktif dalam bidang korporat dengan menjalankan projek seperti projek mangga melaka delight, pisang dan tebu.

Perusahaan bengkel kereta juga turut diusahakan bagi menambah lagi pendapatan kepada persatuan.

### Tempat Ke-3

Persatuan Rangkaian Pemuda Pemuda Rawai (Rapera) Marang, Terengganu mula ditubuhkan pada 04 Mei 1975.

Persatuan ini telah beroperasi hampir 33 tahun dengan himpunan ahli seramai 494 orang.

Antara konsep pembangunan Rapera merangkumi pembangunan kerohanian, kemasyarakatan, organisasi, pendidikan dan ekonomi, dengan misi melaksanakan amanah melalui pelaksanaan agenda pengisian wawasan Rapera kepada seluruh warga belia dan masyarakat.

Terdapat juga ahli-ahli persatuan Rapera menjalankan projek pembangunan ekonomi belia dalam sektor pertanian dan ternakan antaranya, tanaman limau madu, pisang, dan ternakan lembu kampung serta ayam kampung.